



Headline: Wang lesap RM15 000 jurujual ditipu 'pegawai' LHDN Language: Malay

Publication/Portal: Sinar Harian

Section: Nasional

Date: 8 April 2022

Page: 12

Wang lesap RM15,000, jurujual ditipu 'pegawai' LHDN

KOTA BHARU - Seorang jurujual lelaki berputih mata apabila wang dalam akaun bank miliknya berkurang sebanyak RM15,000 selepas ditipu sindiket *Macau Scam* yang menyamar sebagai pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) pada Isnin lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Kelantan, Asisten Komisioner Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, mangsa berusia 30 tahun itu telah menerima panggilan telefon daripada individu memperkenalkan diri sebagai Steven bertugas sebagai pegawai LHDN.

"Steven kemudian memberitahu

bahawa mangsa mempunyai tunggakan cukai sebanyak RM52,000 iaitu cukai syarikat. Mangsa bagaimanapun menafikan perkara tersebut.

"Lelaki itu memberitahu berkemungkinan maklumat pengadu telah disalah guna oleh individu dan menasihati lelaki berkenaan untuk membuat laporan polis," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Khamis.

Beliau berkata, panggilan telefon mangsa kemudian telah disambungkan ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka dan mangsa telah bercakap dengan seorang perempuan memperkenalkan diri sebagai ang-

gota polis berpangkat sarjan bagi membuat semakan dan siasatan.

Mohd Wazir berkata, hasil semakan dibuat, 'sarjan' berkenaan memberitahu mangsa bahawa dia telah terlibat pengubahan wang haram dan pengedaran dadah.

Mangsa kemudian diminta untuk pergi ke Public Bank, Tanah Merah dan mengisi maklumat akaun bank.

Mohd Wazir berkata, mangsa telah diberitahu supaya menunggu selama 15 minit dan 'pegawai' terbabit akan menghubunginya semula.

"Mangsa mula curiga, buat semakan akaun dan dapati simpanan berkurangan RM15,000," ujarnya.